# MANUAL PENGGUNA APLIKASI CDL PERINGKAT PROGRAM VERSI 11

## Langkah 1 : Maklumat Umum Program

1. Aplikasi CDL Versi 11 menggunakan perisian *Microsoft Excel*. Aplikasi ini mempunyai dua versi, iaitu “Templat CDL Peringkat Kursus Versi 11” dan “Templat CDL Peringkat Program Versi 11”. Manual pengguna ini merujuk kepada aplikasi “Templat CDL Peringkat Program Versi 11” untuk digunakan oleh pemilik program.
2. Sila buka file CDL Versi 11 Peringkat Program dengan menggunakan perisian *Microsoft Excel*. Sila klik “*Enable Editing*” untuk membenarkan fungsi makro (berbeza mengikut versi excel anda).



3. Terdapat lapan (8) komponen aplikasi yang perlu dikemas kini seperti Rajah 1 di bawah. Maklumat ini boleh diperoleh dengan menekan butang SILA BACA yang terdapat pada semua antara muka komponen.




Rajah 1 : Antara muka aplikasi CDL Versi 11 (Tukar gambar)

4. Sila klik butang KLIK DI SINI UNTUK MULA bagi memulakan program ini.

5. Anda akan dibawa kepada paparan berikut (Rajah 2 CDL OBE SCL). Sila lengkapkan maklumat berikut:
   a. Nama IPG Kampus
   b. Nama Program
   c. Kod Bidang
   d. Semester Pelaksanaan Penilaian
   e. Kod Kursus




Rajah 2 : CDL OBE SCL

6. Ruang ini dalam CDL OBE SCL akan dijanakan secara automatik oleh sistem apabila anda telah lengkapkan semua komponen dalam aplikasi ini.
7. Sebelum mengisi data untuk semester berikut, sila klik [BERSIH DATA] untuk membersihkan data bagi semester lepas bagi CDL peringkat program. Data yang telah dibersihkan / dipadam adalah seperti pada Rajah 3.




Rajah 3 : Data CDL yang telah dibersihkan

**Langkah 2 : Gred Pencapaian**

8. Sila klik pada butang **GRED PENCAPAIAN** Sila masukkan maklumat gred pencapaian bagi kursus berkenaan (Rajah 4). Maklumat gred pencapaian boleh didapati (salin & tampal) daripada **Templat CDL Peringkat Kursus** yang diserahkan oleh penyelaras kursus berkenaan. Anda juga boleh merujuk kepada Borang Kerja Kursus dan Peperiksaan (BKKP) seperti pada Rajah 5 untuk mendapatkan maklumat gred pencapaian. Masukkan gred pencapaian bagi semua kursus pada semester berkenaan, iaitu kursus Teras, Asas Pendidikan dan Mata Pelajaran Umum (MPU) sahaja.

KOD BIDANG: EDUP
SEMESTER: 1

Sila masukkan bilangan pelajar bagi setiap gred untuk setiap kursus yang didafta

Anda boleh dapatkan keputusan analisis daripada Borang Kerj

KEPUTUSAN

| KOD KURSUS | A+ | A | A- | B+ | B | B- | C+ | C | C- | D+ | D | E | F |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| EDUP3073 | 0 | 37 | 34 | 20 | 15 | 8 | 1 | | | | | | |
| | A+ | A | A- | B+ | B | B- | C+ | C | C- | D+ | D | E | F |

Rajah 4 : Gred Pencapaian

| GRED | F | E | D | D+ | C- | C | C+ | B- | B | B+ | A- | A | A+ |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| SKALA | 00 09.9 | 10 19.9 | 20 29.9 | 30 39.9 | 40 49.9 | 50 54.9 | 55 59.9 | 60 64.9 | 65 69.9 | 70 74.9 | 75 79.9 | 80 89.9 | 90 100 |
| JUMLAH | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 8 | 15 | 20 | 34 | 37 | 0 |
| PERATUS | 0.0 | 0.0 | 0.0 | 0.0 | 0.0 | 0.0 | 0.9 | 7.0 | 13.0 | 17.4 | 29.6 | 32.2 | 0.0 |

Rajah 5 : Borang Kerja Kursus dan Peperiksaan (BKKP)

**Langkah 3 : Entrance & Exit Survey**

9. Sila klik pada butang **ENTRANCE - EXIT** untuk memasukkan perbezaan soal selidik "*Entrance & Exit Survey*". Data bagi maklumat ini boleh dicapai melalui laman sesawang http://items-ipgm.edu.my di bawah menu Urusan CDL ➔ Laporan EES atau daripada **Templat CDL Peringkat Kursus** yang diserahkan oleh penyelaras kursus (salin dan tampal).

Sila masukkan frekuensi bagi setiap soal selidik Entrance - Exit untuk setiap kursus yang ditawarkan

| | | PERBEZAAN SOAL SELIDIK ENTRANCE - EXIT | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | KOD KURSUS | -4 | -3 | -2 | -1 | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | Persentil Ke-20 |
| 1 | PJMS3063 | | | | | | | 22 | 62 | 56 | 28 |
| 2 | EDUP3013 | | | | | | | 27 | 91 | 78 | 39 |
| 3 | 0 | | | | | | | | | | 0 |
| 4 | 0 | | | | | | | | | | 0 |
| 5 | 0 | | | | | | | | | | 0 |

Rajah 6 : Entrance & Exit Survey

Maklumat perbezaan *Entrance & Exit Survey* hanya boleh didapati selepas pelajar melengkapkan *Exit Survey*.

**Langkah 4 : Penilaian Pelajar (Instrumen Penilaian Pelaksanaan Kurikulum)**

10. Sila klik pada butang PENILAIAN PELAJAR Masukkan nilai kekerapan bagi setiap skor terkumpul bagi kursus berkenaan. Data bagi maklumat ini boleh didapati pada laman sesawang http://items-ipgm.edu.my melalui menu Urusan CDL ➔ Laporan IPPK atau daripada **Templat CDL Peringkat Kursus** yang diserahkan oleh penyelaras kursus (salin dan tampal).

| | KOD KURSUS | 5 (Sangat Setuju) | 4 (Setuju) | 3 (Agak Setuju) | 2 (Tidak Setuju) | 1 (Sangat Tidak Setuju) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | EDUP3073 | 98 | 32 | | | |
| 2 | 0 | | | | | |

Rajah 7 : Instrumen Penilaian Pelaksanaan Kurikulum

**Jadual 2: Frekuensi Skala Keseluruhan** (untuk digunakan di *excel worksheet* CDL)

| Sangat setuju | Setuju | Agak setuju | Tidak setuju | Sangat tidak setuju |
|---|---|---|---|---|
| 98 | 32 | 0 | 0 | 0 |

Kira Semula Frekuensi

Highlight Frekuensi Skala & Salin ke Clipboard

Rajah 8 : Data IPPK daripada laman sesawang items

**Langkah 5 : Penjajaran CLO-PLO-LO-KI**

11. Sila klik pada butang PENJAJARAN CO-PO-LO-KI Anda dikehendaki menjawab semua 11 soalan yang berkaitan dengan penjajaran hasil pembelajaran kursus (CLO) dengan hasil pembelajaran program (PLO), domain pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia dan Kemahiran Insaniah (*Soft Skills*).

Sila buat penilaian dan pilih sama ada skala "1" untuk YA atau "0" untuk TIDAK atau N/A

| | Penjajaran : |
|---|---|
| 1 | Saya tahu Hasil Pembelajaran Program mana yang berkait dengan kursus ini<br>*I know which Program Outcome(s) are linked to this course* |
| 2 | Kursus ini adalah sejajar dengan Hasil Pembelajaran Program yang dimaksudkan<br>*The course is aligned to the intended Program Outcome(s)* |
| 3 | Kursus ini disusun dengan betul dalam struktur program<br>*The course is sequenced correctly within the program structure* |
| 4 | Kerap kali pelajar bersedia dari segi mental untuk memulakan kelas<br>*Most of the time students are mentally ready to start a class* |
| 5 | Aktiviti pembelajaran dirancang untuk merealisasikan hasil kursus<br>*Learning activities in the course are planned to realise the course outcomes* |
| 6 | Mengajar pelajar merupakan cabaran terutama pelajar mengharapkan saya untuk aktif<br>*Teaching the students are challenging where the students expect me to be active* |
| 7 | Soalan-soalan yang saya kemukakan di dalam kelas dijawab kebanyakan masa<br>*Questions that I asked in class got responded most of the time* |
| 8 | Bahan bacaan yang digunakan adalah sesuai mengikut tahap pengetahuan pelajar<br>*Reading materials used are suitable for the knowledge level of the students* |
| 9 | Soalan-soalan penilaian berterusan digubal dengan mengambil kira kedalaman dan keluasan kursus<br>*The questions for continuous assessment item are designed by taking into consideration the depth and the breadth of the course* |
| 10 | Soalan peperiksaan akhir mengambil kira kedalaman (tahap Taksonomi)<br>*The final examination questions takes into consideration of the depth (Taxonomy level)* |
| 11 | Kursus yang saya mengajar adalah kursus penting di mana majoriti kemahiran insaniah diterapkan dalamnya. *The course I am teaching is a gateway or a capstone course where majority of softskills will be captured here* |

Contoh

| Semak | PJMS3063 | EDUP3013 |
|---|---|---|
| 0 | 1 | 1 |
| 1 | 1 | 1 |
| 1 | 1 | 1 |
| 1 | 1 | 0 |
| 1 | 1 | 1 |
| 0 | 1 | 1 |
| 0 | 1 | 1 |
| 0 | 1 | 0 |
| 0 | 1 | 1 |
| 0 | 1 | 1 |

Rajah 9 : CLO-PLO-LO-KI

Pilihan "1" untuk jawapan "Ya" dan pilihan "0" untuk jawapan "Tidak". Jika tidak berkaitan anda boleh memilih "N/A".

**Langkah 6 : Pelaksanaan OBE-SCL**

12. Sila klik pada butang  Sila beri skor penilaian anda bagi setiap item untuk setiap kursus yang anda kendalikan.





Sila beri penilaian kepada setiap item bagi setiap kursus.
Lihat Rubrik Pelaksanaan OBE-SCL untuk panduan penskoran.

Lihat Rubrik Pelaksa

HAMPARAN PENSKORAN TAHAP PELAKSANAAN OBE-SCL LEVEL

KOD PROGRAM • 0

| No. | DESCRIPTION | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | *Entrance Survey*<br>*Entrance Survey* | | | | | √ |
| 2 | Kesedaran Pendidikan berasaskan hasil Pemb. - Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (OBE-SCL) Untuk Pelajar - Berfokuskan Jam Pemb. Pelajar (SLT)<br>*Awareness Of OBE-SCL To Students –SLT Point of View* | | | | √ | |
| 3 | Menjajarkan Hasil Kursus Dengan Hasil Program<br>*Aligning Course Outcome with Programme Outcomes* | | | | √ | |
| 4 | Rancangan pengajaran<br>*Lesson Plan* | | | | | √ |
| 5 | Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL) -Kaedah Pengajaran (Pembelajaran Aktif / Kajian Kes / PBL / E-Pembelajaran / etc)<br>*SCL-Methods of Teaching (Active Learning /Case Study/PBL/ E-Learning* | | | | | √ |
| 6 | Perbezaan Jam Pembelajaran Pelajar (SLT) sebenar dengan yang diperuntukkan dalam RMK<br>*SLT-Actual Against Plan* | | | | √ | |
| 7 | Peningkatan Kemahiran Insaniah Dalam Penyampaian Kursus<br>*Soft-Skills Enhancement Within Course Delivery* | | | | | √ |
| 8 | Menjajarkan Pentaksiran (Penilaian Berterusan + Peperiksaan ) Terhadap Hasil Kursus<br>*Aligning Assessment (Continuous Assessment + Exam) to Course* | | | | √ | |
| 9 | Penyediaan Pentaksiran Berdasarkan Rubrik Bagi Kursus Yang Tiada Peperiksaan | | | | | √ |
| 10 | Penyediaan Pentaksiran Berdasarkan JSU Untuk Kursus Yang Ada Peperiksaan | | | | | √ |
| 11 | Portfolio pelajar<br>*Student Portfolio* | | | | √ | |
| 12 | Exit Survey<br>Exit Survey | | | | | √ |

Rajah 10 : Pelaksanaan OBE-SCL

Sila klik pada butang  untuk panduan/rubrik penskoran.



| No | Description | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Entrance Survey<br>Entrance Survey | Not Conducted<br>Tidak dijalankan | Plan to Conduct<br>Merancang untuk dijalankan | Conducted<br>dijalankan | Analysed<br>Dianalisis | Reported<br>dilaporkan |
| 2 | Awareness Of OBE-SCL To Students –SLT Point of View, Kesedaran Pendidikan berasaskan hasil Pemb. - Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (OBE-SCL) Untuk Pelajar - Berfokuskan Jam Pemb. Pelajar (SLT) | Not Aware<br>tidak Mengetahui | Slightly Aware<br>sedikit Mengetahui | Aware<br>Mengetahui | Internalised<br>Internalised | Engaged<br>terlibat |
| 3 | Aligning Course Outcome with Programme Outcomes, Menjajarkan Hasil Kursus Dengan Hasil Program | Not Aligned<br>Tiada Penjajaran | Slightly Aligned<br>Sedikit Penjajaran | Moderately Aligned<br>Agak Menjajarkan | Almost Aligned<br>Hampir dijajarkan | Completely Aligned<br>Dijajarkan sepenuhnya |
| 4 | Lesson Plan<br>Rancangan pengajaran | Not Visible<br>tidak Kelihatan | Plan to Use<br>Merancang untuk Menggunakan | In Existence<br>Dalam Kewujudan | Creatively Planned<br>Dirancang dengan kreatif | Well Used<br>Digunakan dengan baik |
| 5 | SCL-Methods of Teaching (Active Learning /Case Study/PBL/ E-Learning /etc), Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL) -Kaedah Pengajaran (Pembelajaran Aktif / Kajian Kes / PBL / E-Pembelajaran / etc) | Not Visible<br>tidak Kelihatan | Slightly Visible<br>sedikit nyata | Visible<br>Boleh dilihat | Mostly Visible<br>kebanyakannya nyata | Always Visible<br>sentiasa Kelihatan |
| 6 | SLT-Actual Against Plan (Average Time Spend Per Week), Jam Pemb. Pelajar / SLT - Sebenar Berbanding Dengan Yang Dirancang (Purata Masa Yang Digunakan Setiap Minggu) | Less Than 6 Hours,<br>Kurang 6 Jam | 6-8 Hours<br>6-8 Jam | 8 Hours<br>8 jam | 8-10 Hours<br>8-10 jam | More Than 10 Hours<br>Lebih 10 Jam |
| 7 | Soft-Skills Enhancement Within Course Delivery, Peningkatan Kemahiran Insaniah Dalam Penyampaian Kursus | Not Visible<br>tidak Kelihatan | Slightly Visible<br>sedikit nyata | Visible<br>Boleh dilihat | Mostly Visible<br>kebanyakannya nyata | Always Visible<br>sentiasa Kelihatan |
| 8 | Aligning Assessment (Continuous Assessment + Exam) to Course Outcomes<br>Menjajarkan Pentaksiran (Penilaian Berterusan + Peperiksaan ) Terhadap Hasil Kursus | Not Aligned<br>Tiada Penjajaran | Slightly Aligned<br>Sedikit Penjajaran | Moderately Aligned<br>Agak Menjajarkan | Almost Aligned<br>Hampir dijajarkan | Completely Aligned<br>Dijajarkan sepenuhnya |
| 9 | Preparation of Assessment Based on Rubrics for Non-Examinable Courses<br>Penyediaan Pentaksiran Berdasarkan Rubrik Bagi Kursus Yang Tiada Peperiksaan | Not Visible<br>tidak Kelihatan | Plan to Use<br>Merancang untuk Menggunakan | In Existence<br>dalam Kewujudan | Creatively Planned<br>Dirancang dengan kreatif | Well Used<br>Digunakan dengan baik |
| 10 | Preparation of Assessment Based on JSU for Examinable Courses<br>Penyediaan Pentaksiran Berdasarkan JSU Untuk Kursus Yang Ada Peperiksaan | Not Visible<br>tidak Kelihatan | Plan to Use<br>Merancang untuk Menggunakan | In Existence<br>dalam Kewujudan | Creatively Planned<br>Dirancang dengan kreatif | Well Used<br>Digunakan dengan baik |
| 11 | Student Portfolio<br>Portfolio pelajar | Not Visible<br>tidak Kelihatan | Plan to Use<br>Merancang untuk Menggunakan | In Existence<br>dalam Kewujudan | Creatively Planned<br>Dirancang dengan kreatif | Well Used<br>Digunakan dengan baik |
| 12 | Exit Survey<br>Exit Survey | Not Conducted<br>Tidak dijalankan | Plan to Conduct<br>Merancang untuk dijalankan | Conducted<br>dijalankan | Analysed<br>Dianalisis | Reported<br>dilaporkan |

Rajah 9 : Contoh rubrik pelaksanaan OBE-SCL

**Langkah 7 : Pelaksanaan CLO vs PLO**

13. Sila klik pada butang CLO vs PLO untuk paparan berikut.




Rajah 10 : Pencapaian Hasil Pembelajaran Program

Bagi setiap kursus yang disenaraikan di atas, sila <u>klik PLO</u> yang berkaitan dengan kursus berkenaan (Sila rujuk RMK). Markah/nilai peratus akan dimasukkan secarta automatik berpandukan kepada halaman “Gred Pencapaian”.



14. Sehingga ini, anda telah melengkapkan satu pusingan CDL bagi satu semester. Anda diminta melakukan untuk semester yang seterusnya sehinggalah pelajar tamat pengajian dengan menggunakan **<u>aplikasi CDL Peringkat Program yang sama</u>**.

15. Sila klik SIMPAN DATA untuk menyimpan data CLO vs PLO. Untuk makluman data CLO vs PLO ini disimpan/dipindahkan pada halaman Laporan Pencapaian PLO ( LAPORAN PENCAPAIAN PLO ).

| Nama Program | IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN (PEND. JASMANI PENDIDIKAN RENDAH) | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kod Bidang | EDUP | | Intake (e.g. Jun 2015) | | | | JUN 2015 | | |
| | PLO1 | PLO2 | PLO3 | PLO4 | PLO5 | PLO6 | PLO7 | PLO8 | PLO9 |
| Purata Peratus Pencapaian PLO | 96.43 | 100.00 | 96.43 | 96.43 | 100.00 | 96.43 | | | |
| Course Code | PLO1 | PLO2 | PLO3 | PLO4 | PLO5 | PLO6 | PLO7 | PLO8 | PLO9 |
| PJMS3063 | 100 | 100 | 100 | 100 | 100 | 100 | | | |
| EDUP3013 | 92.85714 | | 92.85714 | 92.85714 | | 92.85714 | | | |

Rajah 11 : Laporan Pencapaian PLO bagi sesuatu program.

16. Sila simpan dan juga “Save As” dengan nama lain sebagai “backup” sebelum mengulangi proses CDL untuk semester seterusnya.

17. Anda perlu bersihkan data dengan klik pada tab BERSIH DATA untuk memasukkan data bagi semester berikutnya. Data yang dibersihkan adalah data Pencapaian Hasil Pembelajaran Program seperti pada Rajah 12.




Rajah 12 : Pencapaian Hasil Pembelajaran Program

18. Klik pada butang LAPORAN PENCAPAIAN PLO untuk melihat laporan pencapaian PLO (Rajah 11).

**Langkah 8 : Laporan Pencapaian Hasil Pembelajaran**

19. Sehingga ini, anda telah melengkapkan semua maklumat yang dikehendaki dalam aplikasi CDL Versi 11. Langkah ini hanyalah laporan pencapaian bagi program anda pada semester bekenaan. Sila klik pada butang CDL OBE-SCL untuk melihat purata keseluruhan pencapaian hasil pencapaian program.




Rajah 12 : Laporan Pencapaian Hasil Pembelajaran Semester

20. Seterusya, sila ila klik butang SIMPAN DATA PURATA untuk menyimpan data "PURATA" ke halaman "LAPORAN SUMATIF" seperti pada Rajah 14 di bawah.

21. Amaran : Sila klik SIMPAN DATA PURATA sebelum anda BERSIH DATA

22. Klik BERSIH DATA sebelum anda memulakan pengisian data untuk semester yang akan datang.

Nota : Apabila anda klik pada butang BERSIH DATA maka semua data yang dimasukkan dalam aplikasi akan dipadam seperti pada Rajah 13 berikut:




Rajah 13 : Antara muka Templat CDL Peringkat Program Versi 11

**Langkah 9 : Laporan Keseluruhan Pencapaian Program**

23. Anda boleh melihat laporan sumatif bagi program anda secara keseluruhan. Sila klik pada tab LAPORAN SUMATIF

Paparan pada Rajah 14, menunjukkan contoh untuk lima semester yang telah dilengkapkan oleh pemilik program




Rajah 14 : Laporan Sumatif dan Pencapaian PLO

19. Nota tambahan : Analisis Quadrant




Rajah 15 : Analisis Quadrant

Analisis Quadrant membuat pemetaan petunjuk CDL bagi Gred Pencapaian dengan petunjuk CDL bagi Entrance & Exit Survey untuk setiap semester. Sekiranya pemetaan berada pada quadrant 1 atau 2, maka penambahbaikan bagi semester berkenaan perlu dilakukan. Ketua Jabatan / Pemilik Program boleh melihat pada Laporan Penambahbaikan Kualiti Kurikulum (CCQI) yang telah disediakan.

◈◈◈◈Tamat Manual Pengguna – Peringkat Program◈◈◈◈

# MANUAL PENGGUNA APLIKASI CDL PERINGKAT KURSUS VERSI 11

1. Manual pengguna ini adalah berkaitan dengan “Templat CDL Peringkat Kursus Versi 11” yang akan digunakan oleh semua pensyarah yang mengajar.
2. Sila gunakan templat ini untuk satu kursus sahaja. Sekiranya pensyarah mengajar tiga kursus maka perlu menggunakan tiga templat. Templat ini perlu disimpan satu salinan dan satu salinan diserahkan kepada pemilik program untuk dibuat analisis peringkat program.
3. Semua pensyarah yang mengajar perlu menggunakan templat ini untuk membuat CQI namun untuk tujuan penilaian program hanya mata pelajaran EDUP, MPU dan BIDANG TERAS sahaja yang diambil kira untuk penilaian program. Mata pelajaran Elektif Teras dan Elektif Terbuka hanya digunakan untuk penambahbaikan peringkat kursus sahaja.
4. Antara muka Tempat CDL Peringkat Kursus adalah seperti Rajah 16. Sila masukkan:
   a. Nama IPG Kampus
   b. Nama Program
   c. Kod Bidang
   d. Semester dan Tahun
   e. Kod Kursus




Rajah 16 : Antara muka Templat CDL Peringkat Kursus Versi 11

5. Maklumat Gred Pencapaian, Exit-Entrance, Penilaian Pelajar, Penjajaran CLO-PLO-LO-KI dan Pelaksanaan OBE-SCL akan dijanakan secara automatik apabila anda telah memasukkan data pada halaman yang berkenaan.
6. Klik pada tab 1-Gred Pencapaian untuk memasukkan maklumat gred pencapaian bagi kursus anda seperti pada Rajah 17 : Gred Pencapaian




Rajah 17 : Gred Pencapaian

7. Seterusnya klik pada tab “2-Entrance-Exit” untuk memasukkan kekerapan data *Entrance Survey* seperti pada Rajah 18.

Sila masukkan frekuensi bagi setiap soal selidik Entrance - Exit untuk setiap kursus yang ditawarkan

| | | PERBEZAAN SOAL SELIDIK ENTRANCE - EXIT | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | KOD KURSUS | -4 | -3 | -2 | -1 | 0 | 1 | 2 | 3 | 4 | Persentil Ke-20 | 80% nilai jurang mencapai nilai di atas | Petunjuk CDL | |
| 1 | EDUP3073 | | | | | | | 27 | 91 | 78 | 39 | 3.00 | 4 | Sangat Baik |

Rajah 18 : Entrance-Exit Survey

8. Klik pada tab “3-Penilaian Pelajar” untuk nilai kekerapan bagi skor berkenaan

Sila masukkan frekuensi untuk setiap skor bagi semua pensyarah yang mengajar sesuatu kursus

| | KOD KURSUS | 5 (Sangat Setuju) | 4 (Setuju) | 3 (Agak Setuju) | 2 (Tidak Setuju) | 1 (Sangat Tidak Setuju) | PERSENTIL KE-20 | 80% nilai kepuasan berada di atasnya | Petunjuk CDL | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | EDUP3073 | 98 | 32 | | | | 26.00 | 4 | 5 | Cemerlang |

Rajah 19 : Penilaian Pelajar (IPPK)

9. Klik pada tab “4-Penjajaran CO-PO-LO-KI” untuk menjawab 11 pernyataan tentang penjajaran hasil pembelajaran kursus (CO), hasil pembelajaran program (PO), hasil pembelajaran (LO) dan Kemahian Insaniah (KI) dengan menggunakan skala berikut:

   i. 1 = Ya
   ii. 0 = Tidak
   iii. biarkan kosong jika tidak berkaitan

Sila buat penilaian dan pilih sama ada skala "1" untuk YA atau "0" untuk TIDAK atau N/A

| | Penjajaran : | KOD KURSUS EDUP3073 |
|---|---|---|
| 1 | Saya tahu Hasil Pembelajaran Program mana yang berkait dengan kursus ini<br>*I know which Program Outcome(s) are linked to this course* | |
| 2 | Kursus ini adalah sejajar dengan Hasil Pembelajaran Program yang dimaksudkan<br>*The course is aligned to the intended Program Outcome(s)* | |
| 3 | Kursus ini disusun dengan betul dalam struktur program<br>*The course is sequenced correctly within the program structure* | |
| 4 | Kerap kali pelajar bersedia dari segi mental untuk memulakan kelas<br>*Most of the time students are mentally ready to start a class* | |
| 5 | Aktiviti pembelajaran dirancang untuk merealisasikan hasil kursus<br>*Learning activities in the course are planned to realise the course outcomes* | |
| 6 | Mengajar pelajar merupakan cabaran terutama pelajar mengharapkan saya untuk aktif<br>*Teaching the students are challenging where the students expect me to be active* | |
| 7 | Soalan-soalan yang saya kemukakan di dalam kelas dijawab kebanyakan masa<br>*Questions that I asked in class got responded most of the time* | |
| 8 | Bahan bacaan yang digunakan adalah sesuai mengikut tahap pengetahuan pelajar<br>*Reading materials used are suitable for the knowledge level of the students* | |
| 9 | Soalan-soalan penilaian berterusan digubal dengan mengambil kira kedalaman dan keluasan kursus<br>*The questions for continuous assessment item are designed by taking into consideration the depth and the breadth of the course* | |
| 10 | Soalan peperiksaan akhir mengambil kira kedalaman (tahap Taksonomi)<br>*The final examination questions takes into consideration of the depth (Taxonomy level)* | Pleas |
| 11 | Kursus yang saya mengajar adalah kursus penting di mana majoriti kemahiran insaniah diterapkan dalamnya. *The course I am teaching is a gateway or a capstone course where majority of softskills will be captured here* | |

Rajah 20 : Penjajaran CO-PO-LO-KI

10. Klik pada tab “5-Pelaksanaan OBE-SCL” untuk memasukan tahap pelaksanaan OBE-SCL bagi kursus anda. Sila klik pada butang Lihat Rubrik Pelaksanaan OBE-SCL untuk melihat panduan penskoran.




Rajah 21 : Tahap Pelaksanaan OBE-SCL

11. Seterusnya klik pada tab “Panel Kawalan” dan klik pada tab “CLO vs PLO” untuk anda memilih PLO yang berkaitan dengan kursus anda. Nilai peratus akan dijanakan secara automatik berpandukan kepada data yang anda masukkan dalam halaman Gred Pencapaian.




Rajah 22 : CLO vs PLO

Berpandukan kepada Ringkasan Maklumat Kursus (RMK) sila klik pada PLO yang berkaitan dengan kursus anda.

12. Setelah selesai, klik pada Salin Data ke Laporan Pencapaian PLO untuk menyalin data/maklumat PLO kepada Laporan Pencapaian PLO. Klik pada Laporan Pencapaian PLO untuk melihat data yang telah disalin.

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Nama Program | PENDIDIKAN ISLAM PENDIDIKAN RENDAH | | | | | | | | |
| Kod Bidang | EDUP | | Semester / Tahun : | | | 1 (Sem 1 Tahun 1) | | | |
| | PLO1 | PLO2 | PLO3 | PLO4 | PLO5 | PLO6 | PLO7 | PLO8 | PLO9 |
| Purata Peratus Pencapaian PLO | 100.00 | | 100.00 | | | | | | |
| Course Code | PLO1 | PLO2 | PLO3 | PLO4 | PLO5 | PLO6 | PLO7 | PLO8 | PLO9 |
| EDUP3073 | 100 | | 100 | | | | | | |

Rajah 23 : Laporan Pencapaian PLO

13. Berdasarkan kepada data terkumpul pada halaman "Panel Kawalan" anda perlu membuat laporan penambahbaikan dan serahkan satu salinan lembut dan salinan kelas kepada pemilik program berkenaan untuk dikumpulan dan dianalisis pada peringkat program. Bagi kursus EDUP sila serahkan kepada Ketua Jabatan untuk dipanjangkan kepada pemilik program berkenaan.
14. Sebagai pensyarah kursus berkenaan, anda juga perlu menyimpan satu salinan untuk dimasukkan ke dalam folio kursus anda.
15. Sila ulangi perkara yang sama bagi kursus lain yang anda mengajar.




Rajah 24 : Panel Kawalan

16. Sila klik pada **Padam Semua Data dan Mulakan CDL Kursus baru** untuk memasukkan kursus lain.

◈◈◈◈Tamat Manual Pengguna – Peringkat Kursus ◈◈◈◈

1. Manual pengguna ini untuk kegunaan anda menghasilkan laporan penambahbaikan kualiti kurikulum berterusan (CCQI) dengan menggunakan aplikasi Templet Laporan CQI v2. Maklumat untuk laporan ini boleh didapati melalui analisis CDL yang anda buat melalui aplikasi Templet CDL Peringkat Program/Kursus v11 dan daripada dapatan anda sepanjang mengendalikan kursus atau program ini.
2. Templet ini menggunakan aplikasi Microsoft Excel. Sila klik pada "Enable Content" untuk mengaktifkan fungsi makro seperti Rajah 25.




Rajah 25 : Antara muka Microsoft Excel & Mengaktifkan Fungsi Makro

3. Masukkan maklumat yang diperlukan pada templat laporan CQI v2.




Rajah 26 : Antara muka aplikasi Templat Laporan CQI v2

4. Pada lajur “Tahap” sila pilih tahap CDL yang ingin dimasukkan. Terdapat tiga tahap laporan CQI, iaitu, tahap lesson, kursus dan program seperti Rajah 27.
   a. Tahap lesson adalah berkaitan dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan adakah sesuai dengan hasil pembelajaran kursus
   b. Tahap kursus adalah berkaitan dengan pelaksanaan kursus tersebut adakah sesuai dengan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) daripada aspek penjajaran konstruktif, jumlah jam pembelajaran (SLT), penyampaian, pentaksiran, JST, JSU dan sebagainya.
   c. Tahap program mengambil kira keseluruhan kursus teras tersebut apabila tamat kursus. Perkara yang perlu dilihat adalah:
      - Taburan PLO dan pencapaian PLO berdasarkan analisis gred pencapaian yang dilaksanakan pada setiap semester
      - Kursus yang ditawarkan adakah memenuhi kehendak Hasil Pembelajaran Program dan pemegang taruh.




Rajah 27 : Tahap Laporan Penambahbaikan

5. Masukkan isu, faktor penyebab, cadangan penambahbaikan, pegawai bertanggungjawab dan jangka masa penyelsaian seperti pada Rajah 28.

**Laporan Penambahbaikan Kualiti Kurikulum Berterusan (CCQI)**

| | | | |
|---|---|---|---|
| KAMPUS : | IPG KAMPUS PERLIS | SEMESTER : | 4 (Sem 2 Tahun 2) |
| JABATAN : | JABATAN ILMU PENDIDIKAN | BILANGAN PELAJAR : | 14 |
| PROGRAM : | PENDIDIKAN ISLAM | KOD KURSUS : | EDUP3073 |

| Tahap | Isu | FAKTOR PENYEBAB | CADANGAN PENAMBAHBAIKAN | PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB | JANGKA MASA PENYELESAIAN |
|---|---|---|---|---|---|
| CDL Kursus | Cadangan aras soalan dalam JSU tidak mengikut Hasil Pembelajaran Kurus. Hasil Pembelajaran Kursus (CLO) pada aras C2 sedangkan JSU meminta penggubal bina soalan pada aras | 1. Penggubal JSU tidak melihat Hasil Pembelajaran Kursus (CLO) apabila menggubal JSU. 2. Terikat dengan Kerangka JPPS IPGM yang meminta 70% soalan pada aras tinggi. | Penggubal JSU hendaklah melihat hasil pembelajaran untuk mencangkan aras pembinaan soalan. Aras soalan hendaklah menepati Hasil Pembelajaran Kursus. | Pegawai Meja IPGM dan IPG Kampus yang terlibat dalam membina JSU kursus EDUP3073 Budaya dan Pembelajaran | Sebelum kohort yang berikutnya. |
| CDL Kursus | Soalan No. 1 Bahagian B EDUP3073 Budaya dan Pembelajaran. Cohtoh hujah / jawapan yang diberikut tidak sampai kepada aras C5 atau C6. Jawapan hanya | Besar kemungkinan penggubal tidak mahir dengan aras dalam taksonomi Bloom atau menganggap semua pensyarah dapat berpandukan rubrik. | Semua cadangan jawapan hendaklah lengkap dan jelas menjawab soalan pada aras yang diminta. Contoh jawapan hendaklah sesuai dengan peruntukan markah yang diberi atau mempunyai kerangka panduan yang jelas (rubrik yang khusus) | Pegawai Meja IPGM dan IPG Kampus yang terlibat dalam membina JSU kursus EDUP3073 Budaya dan Pembelajaran | Sebelum kohort yang berikutnya. |
| CDL Program | Topik mesra budaya dalam EDUP3073 juga terdapat dalam topik EDUP3043 secara tidak langsung dalam hal Pengurusan Bilik Darjah | Penggubal mungkin tidak prihatin dengan topik yang diagihkan kepada setiap topik. | Cadangan supaya semua topik yang berkaitan dengan Pengurusan Bilik Darjah dikhaskan kepada EDUP3043 dan EDUP3073 fokus kepada aspek pedagogi relevan budaya yang mengarah kepada aspek pedagogi atau topik lain yang berkaitan dengan Budaya dan Pembelajaran. | Pegawai Meja IPGM dan IPG Kampus yang terlibat dalam membina JSU kursus EDUP3073 Budaya dan Pembelajaran | Sebelum kohort yang berikutnya. |
| CDL Kursus | Rubrik TIDAK sesuai digunakan untuk soalan 1a, 2a, 3a, dan 4a dalam Soalan Peperiksaan EDUP3073. Sepatutnya soalan ini diperiksa secara analisik | Penggubal mungkin tidak faham maksud penggunaan Rubrik. Rubrik elok digunakan untuk menjawab soalan esei yang juga soalan aras tinggi. | Pihak JPPS IPGM perlu menetapkan soalan yang mana sesuai diperiksa secara analitik dan soalan yang mana sesuai diperiksa secara holistik. | Pegawai Meja, JPPS di IPGM dan penggubal soalan EDUP3073 | Sebelum kohort yang berikutnya. |
| CDL Kursus | Satu rubrik untuk semua soalan | Kekangan masa penggubal untuk menghasilkan rubrik yang sesuai | Penggunaan satu rubrik untuk semua soalan adalah kurang wajar kerana aras dalam soalan tidak semuanya sama. Aras aplikasi, aras analisis, aras menilai dan aras mencipta mempunyai kata kerja dan deskripsi skala yang tidak sama | Pegawai Meja IPGM dan IPG Kampus yang terlibat dalam membina JSU kursus EDUP3073 Budaya dan Pembelajaran | Sebelum kohort yang berikutnya. |

Rajah 28 : Contoh penulisan laporan penambahbaikan kualiti kurikulum

6. Laporan penambahbaikan kualiti kurikulum berterusan yang lengkap perlu ditandatangan dan diserahkan kepada Ketua Jabatan dalam bentuk salinan lembut dan salinan keras.
7. Ketua jabatan EDUP perlu mengumpulkan semua kursus di peringkat jabatan dan membuat analisis peringkat jabatan bagi kursus tersebut.
8. Ketua Jabatan EDUP juga perlu mengagihkan kursus tersebut kepada Ketua Jabatan bagi program tersebut untuk dibuat analisis pada peringkat program.

◈◈◈◈Tamat Manual Pengguna – Laporan CCQI◈◈◈◈

*Manual ini disediakan oleh:*

*Pusat Pembangunan Akademik,*
*Institut Pendidikan Guru Malaysia,*
*Cyberjaya*

*Tarikh : 05hb. Jun 2017*